



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18 May 2015

# Himpunan surat bekas PM

» Buku *Dr Mahathir's Selected Letters to World Leaders* boleh jadi rujukan penting

BH- 18/5/2015

Oleh Nazmi Yaakub  
nazmi@bh.com.my

**T**ulislah sesuatu yang bernilai untuk dibaca atau lakukan sesuatu yang bernilai untuk ditulis." Petikan kata-kata ahli falsafah yang terkenal dengan penemuan elektrik, Benjamin Franklin tepat untuk menggambarkan buku *Dr Mahathir's Selected Letters to World Leaders*.

Kedua-dua pesanan Franklin itu ada pada buku ini, menjadi Perdana Menteri sudah tentu termasuk 'melakukan sesuatu yang bernilai untuk ditulis', manakala surat kepada ketua kerajaan di seluruh dunia pastinya memiliki kepentingan untuk dibaca.

Karya yang menghimpunkan surat Tun Dr Mahathir Mohamad ketika menduduki kerusi Perdana Menteri (PM) selama 22 tahun bermula 1981 hingga 2003 itu, kali pertama diterbitkan pada tahun 2007.

**Sambutan luar biasa**  
Tidak hairanlah, sambutan luar biasa terhadap buku itu mendorong penerbitan siri kedua, *Dr Mahathir's Selected Letters to World Leaders (Volume Two)*.

Buku ini dibahagikan kepada empat bab, iaitu *Bilateral Relations, Globalisation, War and Conflict* dan *Economic and Diplomatic Relations*.

Sudah tentu surat paling menarik untuk ditelusuri pada bab *Bilateral Relations*, ialah siri surat antara Dr Mahathir dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan mendiang Lee Kuan Yew yang ketika itu menjawat Menteri Kanan Singapura.

Ini kerana perbincangan dalam surat terbabit merangkumi isu bekalan air, pembinaan landasan kereta api elektrik KTM dan jambatan baharu untuk menggantikan Causeway.

Penerbitan surat yang semuanya

perlu mendapat kelulusan kerajaan itu, sebenarnya dapat menjadi rujukan kepada dokumentasi dan penulisan sejarah bukan hanya membabitkan hubungan diplomatik dua negara berjiran, Malaysia-Singapura, bahkan hubungan dan dasar luar negara sepanjang pentadbiran Dr Mahathir.

**Meletakkan negara pada kedudukan tinggi**  
Isu seperti globalisasi, peperangan, konflik dan ekonomi serta hubungan diplomatik yang disuarakan oleh Malaysia seperti yang dirakamkan dalam surat rasmi Dr Mahathir itu, meletakkan negara ini pada kedudukan yang tinggi dalam konteks politik antarabangsa.

Sikap konsisten dan komitmen Malaysia terhadap keamanan dan kestabilan serta konsep kedaulatan negara dapat dibaca dengan jelas pada surat kepada pemimpin dunia seperti George W Bush, Bill Clinton, Pervez Musharraf, Saddam Hussein, Benazir Bhutto, Kofi Annan dan Raja Abdullah II.

Sebahagian pemimpin itu sudah pun meninggalkan tampuk pemerintahan, manakala ada yang pula sudah

meninggal dunia dengan pelbagai peristiwa besar yang melatari kematian itu, tetapi surat yang terkandung dalam buku ini menjadi dokumentasi yang tidak lekang dek panas, tidak lapuk dek hujan.

Meskipun pemimpin itu sudahpun tidak berada di tempat ketika surat itu ditulis dan diterima, isu yang disorot dalam proses membina hubungan diplomatik dan ekonomi antara negara masih relevan serta realistik untuk dijadikan teladan dan sempadan.

Setiap surat yang dihantar dan diterima oleh Dr Mahathir memiliki bukan saja peristiwa serta isu yang melatarnya, bahkan lebih penting nilai kenegaraan, kepemimpinan dan kebijaksanaan dalam menjangka dan menanggapi implikasi pada hubungan yang dibina.

Buku setebal 204 muka surat terbitan Marshall Cavendish ini, menampilkan pendahuluan dan komentar yang ditulis oleh mantan Duta Khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Abdullah Ahmad.

*"A revealing ensemble of diplomatic letters worth reading"*  
— Sultan Hassan Musallam, Sultan of Fasa

**Dr Mahathir's Selected Letters to WORLD LEADERS**  
Introduction and Selected Commentaries by Abdullah Ahmad